

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Bab ini akan melaporkan dapatan daripada maklumat tentang pelaksanaan kurikulum pendidikan jasmani tingkatan empat KBSM. Bab ini akan membincangkan :

Bahagian A : Latar belakang responden

Bahagian B : Pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani Tingkatan Empat

Bahagian C : Strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani

Bahagian D : Masalah-masalah dan halangan yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pengajaran Pendidikan Jasmani

Bahagian E : Persepsi guru mengenai mata pelajaran Pendidikan Jasmani

#### **Bahagian A :**

#### **4.2 Latar Belakang Responden**

Kajian ini meliputi 105 orang responden yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani tingkatan empat dari 15 buah sekolah di tiga buah daerah dalam

negeri Kelantan. Hasil dari kajian, didapati seramai 65 responden (61.9 %) adalah terdiri daripada lelaki, manakala selebihnya adalah responden perempuan, iaitu seramai 40 orang (38.1 %). Taburan responden mengikut jantina tersebut ditunjukkan dalam jadual 4.2.1.

**Jadual 4.2.1 : Taburan Responden Mengikut Jantina**

Jantina	N	Peratusan (%)
Lelaki	65	61.9
Perempuan	40	38.1
Jumlah	105	100

Dari segi kaum, didapati seramai 98 responden (93.3 %) adalah Melayu, lima orang (4.8 %) adalah Cina dan dua orang responden India (1.9 %). Taburan responden mengikut kaum tersebut ditunjukkan dalam jadual 4.2.2.

**Jadual 4.2.2 : Taburan Responden Mengikut Kaum**

Kaum	N	Peratusan (%)
Melayu	98	93.3
Cina	5	4.8
India	2	1.9
Lain-lain	0	0
Jumlah	105	100

Dari segi kategori umur, didapati pula kategori yang berumur 31 – 40 tahun adalah paling ramai mengajar pendidikan jasmani, iaitu seramai 64 responden (61.0 %), bagi kategori yang berumur 41 tahun ke atas adalah seramai 28 orang (26.7 %), manakala bagi kategori umur 20 – 30 tahun adalah paling sedikit iaitu seramai 13 orang (12.4 %). Taburan responden mengikut umur tersebut ditunjukkan dalam jadual 4.2.3.

**Jadual 4.2.3 : Taburan Responden Mengikut Umur**

Kategori Umur	N	Peratusan (%)
20 – 30 tahun	13	12.3
31 – 40 tahun	64	61.0
41 tahun ke atas	28	26.7
Jumlah	105	100

Dapatan kajian mengenai kelayakan akademik, didapati responden siswazah adalah paling ramai mengajar pendidikan jasmani, iaitu seramai 93 responden (88.6 %), manakala responden yang bukan siswazah adalah seramai 12 orang responden (11.4 %). Taburan bilangan responden mengikut kelayakan akademik adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.2.4.

**Jadual 4.2.4 : Taburan Responden Mengikut Kelayakan**

Kelayakan Akademik	N	Peratusan (%)
Siswazah	93	88.6
Bukan Siswazah	12	11.4
Jumlah	105	100

Hasil dari kajian juga mendapati responden yang mempunyai pengkhususan dalam Bahasa Melayu adalah seramai 33 responden (31.4 %), manakala responden yang mempunyai pengkhususan dalam bidang Matematik adalah seramai enam orang (5.7 %) dan PJK hanya 10 orang (9.5 %). Responden yang mempunyai pengkhususan dalam bidang Sains pula adalah seramai lima orang (4.8 %). Responden yang mempunyai pengkhususan bagi lain-lain adalah seramai 51 orang (48.6 %). Di antara bidang pengkhususan bagi lain-lain termasuklah Bahasa Inggeris, Agama Islam, Perdagangan, Kemahiran Hidup, Sains Sukan dan Ekonomi. Taburan responden mengikut pengkhususan perguruan ditunjukkan dalam jadual 4.2.5 .

**Jadual 4.2.5 : Taburan Responden Mengikut Pengkhususan Perguruan**

Pengkhususan	N	Peratusan (%)
Bahasa Melayu	33	31.4
Matematik	6	5.7
PJK	10	9.5
Sains	5	4.8
Lain-lain	51	48.6
Jumlah	105	100

Dari segi pengalaman mengajar, didapati responden yang mengajar 11 tahun ke atas adalah paling ramai, iaitu seramai 47 orang (44.8 %). Manakala pengalaman mengajar selama 6 – 10 tahun adalah seramai lima orang sahaja (42.9 %) dan pengalaman mengajar lima tahun ke bawah adalah seramai 13 orang (12.4 %). Taburan responden mengikut pengalaman mengajar ditunjukkan dalam jadual 4.2.6.

**Jadual 4.2.6 : Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar**

Pengalaman Mengajar	N	Peratusan (%)
5 tahun ke bawah	13	12.3
6 – 10 tahun	45	42.9
11 tahun ke atas	47	44.8
Jumlah	105	100

Manakala, dari segi pengalaman mengajar mata pelajaran pendidikan jasmani pula, didapati responden yang mengajar lima tahun ke bawah adalah paling ramai, iaitu seramai 73 orang (69.5 %). Sementara itu, pengalaman mengajar pendidikan jasmani selama 6 – 10 tahun adalah seramai 21 orang (20.0 %) dan pengalaman mengajar pendidikan jasmani 11 tahun ke atas hanya seramai 11 orang (10.0 %). Taburan responden mengikut pengalaman mengajar pendidikan jasmani ditunjukkan dalam jadual 4.2.7.

**Jadual 4.2.7 : Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar Pendidikan Jasmani**

Pengalaman Mengajar PJ	N	Peratusan (%)
5 tahun ke bawah	73	69.5
6 – 10 tahun	21	20.0
11 tahun ke atas	11	10.5
Jumlah	105	100

Manakala dalam jadual 4.2.8 di bawah menunjukkan kekerapan responden menghadiri Kursus Dalam Perkhidmatan PJK. Didapati responden yang tidak pernah menghadiri kursus adalah paling tinggi, iaitu seramai 63 orang (60.0 %). Manakala jumlah responden yang hanya 1 – 2 kali hadir untuk kursus tersebut adalah seramai 30 orang (28.6 %).

**Jadual 4.2.8 : Taburan Responden Mengikut Kekerapan Menghadiri Kursus Dalam Perkhidmatan PJK**

Kekerapan Menghadiri KDP PJK	N	Peratusan (%)
Tidak Pernah	63	60.0
1 – 2 kali	30	28.6
3 - 4 kali	2	1.9
5 – 6 kali	4	3.8
Lebih 7 kali	6	5.7
Jumlah	105	100

Dalam jadual 4.2.9 di bawah pula menunjukkan taburan responden yang “pernah” (‘ya’) dan “tidak pernah” (‘tidak’) mengikuti Kursus Sijil dan Kursus Khas

PJK. Didapati bahawa “tidak pernah” mencatat peratus yang paling tinggi, iaitu seramai 98 orang (93.3 %), berbanding dengan “pernah” yang hanya tujuh orang responden (6.7 %).

**Jadual 4.2.9 : Taburan Responden Mengikut Kumpulan Yang Pernah dan Tidak Pernah Mengikuti Kursus Sijil / Khas PJK**

Kumpulan	N	Peratusan (%)
Pernah Mengikuti (`Ya`)	7	6.7
Tidak Pernah Mengikuti (`Tidak`)	98	93.3
Jumlah	105	100

Dapatan kajian juga mendapati bahawa purata bilangan pelajar dalam kelas pendidikan jasmani adalah kebanyakannya antara “30 orang ke bawah” dalam satu kelas, iaitu seramai 58 responden (55.2 %). Manakala jumlah pelajar antara 31 – 40 orang pelajar dalam satu kelas adalah seramai 44 responden (41.9 %). Statistik berikut ditunjukkan dalam jadual di bawah.

**Jadual 4.2.10 : Taburan Responden Mengikut Purata Bilangan Pelajar Kelas Pendidikan Jasmani**

Purata Bilangan Pelajar	N	Peratusan (%)
30 orang ke bawah	58	55.2
31 – 40 orang	44	41.9
41 orang ke atas	3	2.9
Jumlah	105	100

**Bahagian B :**

**4.3 Tanggapan Guru Pendidikan Jasmani Terhadap Beberapa Pernyataan Berhubung Dengan Pencapaian Objektif Kurikulum Pendidikan Jasmani**

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian nombor (i), bab 1, bahagian 1.3, iaitu adakah pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani mencapai matlamat KBSM?

Terdapat enam item yang berkaitan dengan persepsi guru Pendidikan Jasmani terhadap matlamat dan objektif Pendidikan Jasmani. Data ini dibentangkan dalam jadual 4.3.1.

Seramai 57 responden (54.3 %) menyatakan objektif kurikulum PJ iaitu “mengintegrasikan isi pelajaran dengan kemahiran daripada bidang lain” “tercapai sebahagian kecil” manakala seramai 39 responden (37.1 %) menyatakan objektif ini “tercapai sebahagian besar”.

Manakala seramai 52 responden (49.5 %) responden menyatakan “kurikulum PJ menghubungkan pembelajaran dalam bilik darjah dengan masalah-masalah yang dihadapi dengan kehidupan pelajar-pelajar” “tercapai sebahagian kecil”, manakala hanya 43 responden (41.0 %) menyatakan objektif ini “tercapai sebahagian besar”.

Sejumlah 60 responden (57.1 %) responden menyatakan “kurikulum pendidikan jasmani disampaikan untuk memelihara dan meningkatkan taraf kesihatan



serta kecergasan para pelajar” adalah “tercapai sebahagian besar”, manakala seramai 24 responden (22.9 %) menyatakan objektif ini “tercapai sepenuhnya”.

Seterusnya seramai 40 orang (38.1 %) responden menyatakan objektif kurikulum PJ adalah “mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah jelas” telah “tercapai sebahagian besar”, dan hanya 31 orang (29.5 %) responden menyatakan objektif tersebut “tercapai sepenuhnya”. Manakala responden yang mengatakan objektif ini “tercapai sebahagian kecil” adalah seramai 30 orang (28.6 %).

Seramai 52 responden (49.5 %) menyatakan objektif kurikulum PJ iaitu “kurikulum PJ menggalakkan pelajar-pelajar meningkatkan minat terhadap pembelajaran akademik” adalah “tercapai sebahagian kecil”, manakala hanya 37 orang (35.2 %) responden menyatakan objektif ini “tercapai sebahagian besar”.

Berdasarkan jadual 4.3.1 juga, didapati seramai 50 responden (47.6 %) menyatakan objektif kurikulum PJ adalah “membolehkan pelajar melibatkan diri secara aktif, riang dan selamat” adalah “tercapai sebahagian besar”, manakala seramai 33 orang (31.4 %) responden menyatakan objektif tersebut “tercapai sepenuhnya”.

**Jadual 4.3.1 : Persepsi Guru Pendidikan Jasmani Terhadap Beberapa Pernyataan Berhubung Dengan Pencapaian Objektif Kurikulum Pendidikan Jasmani**

Pernyataan	Peringkat Pencapaian				Min
	TTSS N (%)	TSK N (%)	TSB N (%)	TS N (%)	
1. Kurikulum PJ mengintegrasikan isi pelajaran dengan kemahiran daripada beberapa bidang lain.	5 (4.8)	57 (54.3)	39 (37.1)	4 (3.8)	2.40
2. Kurikulum PJ menghubungkan pembelajaran dalam bilik darjah dengan masalah-masalah yang dihadapi dengan kehidupan pelajar-pelajar.	5 (4.8)	52 (49.5)	43 (41.0)	5 (4.8)	2.46
3. Kurikulum PJ disampaikan untuk memelihara dan meningkatkan taraf kesihatan dan kecergasan pelajar	2 (1.9)	19 (18.1)	60 (57.1)	24 (22.9)	3.01
4. Matlamat kurikulum PJ dalam mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah jelas	4 (3.8)	30 (28.6)	40 (38.1)	31 (29.5)	2.93
5. Kurikulum PJ menggalakkan para pelajar meningkatkan minat terhadap pembelajaran akademik.	12 (11.4)	52 (49.5)	37 (35.2)	4 (3.8)	2.31
6. Kurikulum PJ membolehkan pelajar melibatkan diri secara aktif, riang dan selamat.	3 (2.9)	19 (18.1)	50 (47.6)	33 (31.4)	<b>3.08</b>

*Petunjuk :*

TTSS	=	Tidak Tercapai Sama Sekali
TSK	=	Tercapai Sebahagian Kecil
TSB	=	Tercapai Sebahagian Besar
TS	=	Tercapai Sepenuhnya

### **Bahagian C :**

#### **4.4 Strategi dan Kaedah Mengajar Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani**

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian nombor (ii), bab 1, bahagian 1.3, iaitu apakah strategi dan kaedah yang digunakan oleh guru Pendidikan Jasmani dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani?

Terdapat 10 item yang berkaitan dengan strategi dan kaedah yang digunakan oleh guru pendidikan jasmani semasa menjalankan pengajarannya. Data ini dibentangkan dalam jadual 4.4.1.

Berdasarkan jadual tersebut, seramai 56 responden (53.3 %) menyatakan kaedah “kuliah” “kadang-kadang” digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan jasmani.

Seramai 55 responden (52.4 %) menggunakan kaedah “perbincangan *buzz*” secara “kadang-kadang” dalam pengajaran PJ dan hanya 27 orang (25.7 %) responden menggunakan dengan “kerap” kaedah ini.

Seramai 48 responden (45.7 %) menyatakan kaedah “sebahagian-keseluruhan” “kadang-kadang” digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan jasmani,

manakala seramai 38 responden (36.2 %) “kerap” menggunakan kaedah ini dan hanya sembilan responden (8.6 %) “tidak pernah” menggunakan kaedah tersebut.

Berdasarkan jadual tersebut juga, didapati sejumlah 58 responden (55.2 %) responden “kadang-kadang” menggunakan kaedah “inkuiri penemuan” dalam pengajaran pendidikan jasmani di sekolah dan hanya tiga orang (2.9 %) responden “sangat kerap” menggunakan kaedah ini.

Seramai 56 responden (53.3 %) menyatakan kaedah “penyelesaian masalah” adalah “kadang-kadang” digunakan dalam pengajaran. Hanya empat orang (3.8 %) responden “sangat kerap” menggunakan kaedah ini.

Seterusnya, seramai 51 responden (48.6 %) “tidak pernah” menggunakan kaedah “projek” dalam pengajaran PJ di sekolah, manakala sejumlah 41 responden (39.0 %) menggunakan kaedah ini secara “kadang-kadang”. Hanya seorang sahaja (1.0 %) responden menggunakan kaedah ini secara “sangat kerap”.

Manakala sejumlah 70 responden (66.7 %) menyatakan “tidak pernah” menggunakan kaedah “lawatan” dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan jasmani. Hanya seorang (1.0 %) responden “sangat kerap” menggunakan kaedah tersebut.

Seramai 35 responden (33.3 %) “kerap” menggunakan kaedah “latih tubi” dalam pengajarannya. Manakala sejumlah 34 orang (32.4 %) responden menggunakan kaedah ini dengan “kadang-kadang”. Hanya 12 responden (11.4 %) “sangat kerap” menggunakan kaedah ini.

Berdasarkan kajian ini, didapati seramai 58 responden (55.2 %) “kerap” menggunakan kaedah “perintah dan arahan” dalam pengajaran pendidikan jasmani. Hanya tiga orang (2.9 %) responden “tidak pernah” menggunakan kaedah ini.

Akhir sekali, seramai 43 responden (41.0 %) menggunakan kaedah “kuliahdemonstrasi” dengan “kadang-kadang” dan hanya 13 orang (12.4 %) responden mengatakan “tidak pernah” menggunakan kaedah pengajaran ini.

**Jadual 4.4.1 : Strategi dan Kaedah Yang Digunakan Oleh Guru PJ  
Dalam Melaksanakan Pengajaran Pendidikan Jasmani**

Pernyataan	Skala Kekerapan				Min
	TP N (%)	KK N (%)	K N (%)	SK N (%)	
1. Kuliah	16 (15.2)	56 (53.3)	23 (21.9)	10 (9.5)	2.26
2. Perbincangan ( <i>sesi 'buzz'</i> )	16 (15.2)	55 (52.4)	27 (25.7)	7 (6.7)	2.24
3. Kaedah sebahagian-keseluruhan ( <i>kaedah mengajar kemahiran berasingan - mengajar kemahiran sekaligus</i> )	9 (8.6)	48 (45.7)	38 (36.2)	10 (9.5)	2.47
4. Inkuari Penemuan	26 (24.8)	58 (55.2)	18 (17.1)	3 (2.9)	1.98
5. Penyelesaian masalah	22 (21.0)	56 (53.3)	23 (21.9)	4 (3.8)	2.09
6. Projek	51 (48.6)	41 (39.0)	12 (11.4)	1 (1.0)	1.65
7. Lawatan	70 (66.7)	31 (29.5)	3 (2.9)	1 (1.0)	1.38
8. Latih tubi	24 (22.9)	34 (32.4)	35 (33.3)	12 (11.4)	2.33
9. Perintah dan arahan	3 (2.9)	24 (22.9)	58 (55.2)	20 (19.0)	2.90
10. Kuliah-demonstrasi	13 (12.4)	43 (41.0)	34 (32.4)	15 (14.3)	2.49

*Petunjuk :*

TP	=	Tidak Pernah
KK	=	Kadang-Kadang
K	=	Kerap
SK	=	Sangat Kerap

#### **Bahagian D :**

#### **4.5 Masalah-Masalah dan Halangan Yang Dihadapi Oleh Guru Dalam Melaksanakan Pengajaran Pendidikan Jasmani**

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian nombor (iii), bab 1, bahagian 1.3, iaitu apakah masalah-masalah dan halangan yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani?

Terdapat 15 item yang berkaitan dengan masalah dan halangan yang dihadapi oleh guru pendidikan jasmani semasa menjalankan pengajarannya. Statistik ini dibentangkan dalam jadual 4.5.1.

Berdasarkan jadual tersebut, didapati bahawa seramai 84 responden (80.0 %) “tidak bermasalah” dalam “mendisiplinkan pelajar” semasa menjalankan aktiviti pendidikan jasmani. Hanya 21 orang (20.0 %) responden sahaja “bermasalah” dalam “mendisiplinkan pelajar”. Min bagi pernyataan tersebut adalah sebanyak 2.03.

Seramai 76 responden (72.4 %) “tidak bermasalah” dengan “saiz kelas” semasa pengajaran PJ dan hanya 29 orang (27.6 %) responden “bermasalah” dengan “saiz kelas”. Manakala min bagi masalah ini adalah sebanyak 1.95 sahaja.

Seramai 79 responden (75.2 %) “tidak bermasalah” untuk memahami isi kandungan sukatan pelajaran, manakala seramai 26 orang (24.8 %) responden pula “bermasalah” dengan isi sukatan pelajaran tersebut.

“Merancang kaedah” pengajaran juga adalah merupakan masalah yang dihadapi oleh guru pendidikan jasmani, yang mana seramai 72 responden (68.6 %) mengatakan “tidak bermasalah” dan seramai 33 orang (31.4 %) responden mengatakan “bermasalah”.

Berdasarkan jadual 4.5.1 juga didapati bahawa seramai 69 responden (65.7 %) “tidak bermasalah” dengan “bahan rujukan untuk guru”, manakala hanya 36 orang (34.3 %) responden “bermasalah” dengan “bahan rujukan untuk guru”.

Seterusnya seramai 69 responden (65.8 %) “tidak bermasalah” dengan “bahan rujukan untuk pelajar” dan seramai 36 orang (34.3 %) responden “bermasalah” dengan bahan rujukan tersebut.

Sejumlah 72 responden (68.5 %) “tidak bermasalah” dengan “keyakinan dari segi pengetahuan” dan hanya 33 orang (31.5 %) responden “bermasalah” dengan keyakinan tersebut.

“Keyakinan dari segi kemahiran” juga merupakan masalah dalam pengajaran pendidikan jasmani. Walau bagaimanapun seramai 69 responden (66.6 %)



mengatakan “tidak bermasalah” dan seramai 35 orang (33.4 %) responden mengatakan “bermasalah”.

Jadual tersebut juga menunjukkan bahawa seramai 72 responden (68.5 %) “tidak bermasalah” dengan masalah “kemudahan” seperti padang, gelanggang dan dewan untuk menjalankan aktiviti pendidikan jasmani, manakala seramai 33 orang (31.5 %) responden “bermasalah” dengan kemudahan bagi aktiviti pendidikan jasmani.

Bagi masalah “peralatan” pula, didapati seramai 84 responden (80.0 %) mengatakan “tidak bermasalah”. Hanya 21 orang (20.0 %) sahaja responden “bermasalah” dengan peralatan seperti bola, kayu hoki dan sebagainya untuk menjalankan aktiviti pendidikan jasmani. Min bagi pernyataan tersebut ialah 1.88.

“Kerjasama pentadbir” merupakan masalah yang kecil sahaja, di mana sebahagian besar responden, iaitu seramai 89 responden (84.8 %) mengatakan “tidak bermasalah” dan hanya 16 orang (15.2 %) responden “bermasalah” dengan masalah tersebut.

Manakala masalah “minat pelajar semasa sesi pendidikan jasmani” seramai 78 responden (74.3 %) “tidak bermasalah” dan hanya 27 orang (25.7 %) responden mengatakan “bermasalah”.

“Peruntukan masa pendidikan jasmani” bukan merupakan masalah utama bagi responden, di mana sejumlah 85 responden (80.9 %) “tidak bermasalah” dan hanya seramai 20 orang (19.1 %) responden mengatakan “bermasalah” dengan peruntukan masa pendidikan jasmani. Min bagi pernyataan tersebut ialah 1.61.

Sebahagian besar guru pendidikan jasmani tidak bermasalah untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam pengajaran, di mana seramai 99 responden (94.3 %) “tidak bermasalah” dan hanya enam orang (5.7 %) responden “bermasalah”. Min adalah sebanyak 1.37.

Akhir sekali, sejumlah 81 responden (77.1 %) mengatakan “tidak bermasalah” untuk menyediakan bahan untuk penilaian bagi pengajaran pendidikan jasmani. Hanya seramai 24 orang (22.9 %) responden sahaja mengatakan “bermasalah” untuk menyediakan bahan penilaian untuk pengajaran dan pembelajaran.

**Jadual 4.5.1 : Masalah-Masalah dan Halangan Yang dihadapi Oleh Guru PJ Dalam Melaksanakan Pengajaran Pendidikan Jasmani**

Pernyataan	Skala Permasalahan				Min
	TB N (%)	BS N (%)	B N (%)	AB N (%)	
1. Mendisiplinkan pelajar	21 (20.0)	63 (60.0)	18 (17.1)	3 (2.9)	2.03
2. Saiz Kelas (jumlah pelajar)	43 (41.0)	33 (31.4)	20 (19.0)	9 (8.6)	1.95
3. Memahami isi kandungan sukatan pelajaran	44 (41.9)	35 (33.3)	21 (20.0)	5 (4.8)	1.88
4. Merancang kaedah pengajaran	38 (36.2)	34 (32.4)	28 (26.7)	5 (4.7)	2.00
5. Bahan rujukan untuk guru	30 (28.6)	39 (37.1)	29 (27.6)	7 (6.7)	2.12
6. Bahan rujukan untuk pelajar	26 (24.8)	43 (41.0)	28 (26.7)	8 (7.6)	2.17
7. Keyakinan dari segi pengetahuan	31 (29.5)	41 (39.0)	23 (21.9)	10 (9.6)	2.11
8. Keyakinan dari segi kemahiran	31 (29.5)	39 (37.1)	21 (20.0)	14 (13.4)	2.17
9. Kemudahan (padang, gelanggang, dewan)	35 (33.3)	37 (35.2)	19 (18.1)	14 (13.4)	2.11
10. Peralatan (bola, kayu hoki & lain-lain)	42 (40.0)	42 (40.0)	13 (12.4)	8 (7.6)	1.88
11. Untuk mendapat kerjasama dan sokongan daripada pihak pentadbir	57 (54.3)	32 30.5	11 (10.4)	5 (4.8)	1.65
12. Minat pelajar semasa sesi PJ	29 (27.6)	49 (46.7)	20 (19.0)	7 (6.7)	2.05
13. Peruntukan masa PJ	65 (61.9)	20 (19.0)	16 (15.3)	4 (3.8)	1.61
14. Menerapkan nilai-nilai murni dalam pengajaran.	72 (68.6)	27 (25.7)	6 (5.7)	0 (0.0)	1.37
15. Menyediakan bahan untuk penilaian	29 (27.6)	52 (49.5)	21 (20.0)	3 (2.9)	1.98

*Petunjuk :*

TB	=	Tidak Bermasalah
BS	=	Bermasalah Sedikit
B	=	Bermasalah
AB	=	Amat Bermasalah

### **Bahagian E :**

#### **4.6 Item Positif dan Negatif Terhadap Persepsi Guru Mengenai Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani**

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian nombor (iv), bab 1, bahagian 1.3, iaitu apakah persepsi guru terhadap mata pelajaran Pendidikan Jasmani? Sebanyak lapan item yang berkaitan dengan persepsi guru terhadap mata pelajaran pendidikan jasmani. Kesemua item tersebut menggunakan skala Likert lima poin. Item positif dan negatif diasingkan untuk memudahkan penganalisan data. Skor yang diperolehi dimasukkan ke dalam jadual 4.6.1 (positif) dan jadual 4.6.2 (negatif).

Berdasarkan jadual 4.6.1 di bawah (item positif), didapati bahawa seramai 79 responden (75.2 %) “setuju” menyatakan “suka mengajar mata pelajaran pendidikan jasmani”, manakala selebihnya, iaitu sejumlah 25 orang (23.8 %) responden menyatakan “tidak setuju”. Hanya seorang sahaja responden (1.0 %) mengatakan “tidak pasti”.

Sejumlah 61 responden (58.1 %) “setuju” menyatakan mata pelajaran PJ adalah mencabar, manakala responden yang mengatakan “tidak pasti” adalah seramai 29 orang ( 27.6 %). Hanya 15 orang (14.3 %) responden yang mengatakan “tidak setuju”

Berdasarkan kajian tersebut, sejumlah 73 responden (69.5 %) “setuju” bahawa mereka sentiasa mencari idea baru agar pengajaran pendidikan jasmani menjadi menarik. Manakala seramai 24 orang (22.8 %) responden mengatakan “tidak setuju”. Selebihnya adalah mengatakan “tidak pasti”.

**Jadual 4.6.1 : Item Positif Tentang Persepsi Guru Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani**

Pernyataan	Skala Persetujuan					Min
	STS N (%)	TS N (%)	TP N (%)	S N (%)	SS N (%)	
1. Saya suka mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani	7 (6.7)	18 (17.1)	1 (1.0)	48 (45.7)	31 (29.5)	3.74
2. Mengajar mata pelajaran PJ adalah mencabar	2 (1.9)	13 (12.4)	29 (27.6)	43 (41.0)	18 (17.1)	3.59
6. Saya sentiasa mencari idea baru supaya pengajaran PJ menarik dan berkesan	4 (3.8)	20 (19.0)	8 (7.6)	58 (55.2)	15 (14.3)	3.57

*Petunjuk :*

STS	=	Sangat Tidak Setuju
TS	=	Tidak Setuju
TP	=	Tidak Pasti
S	=	Setuju
SS	=	Sangat Setuju

Berdasarkan jadual 4.6.2 di bawah (item negatif) pula, didapati bahawa seramai 39 responden (37.1 %) “tidak setuju” dengan pernyataan “jika berpeluang ingin mengajar mata pelajaran lain daripada PJ”, manakala seramai 54 orang (51.4 %) responden menyatakan “tidak setuju”. Hanya 12 responden (11.4 %) sahaja menyatakan “tidak pasti”.

Sejumlah 78 responden (74.3 %) “tidak setuju” menyatakan mata pelajaran PJ adalah membebankan mereka, manakala seramai 23 orang (21.9 %) responden adalah “setuju”. Selebihnya menyatakan “tidak pasti”.

Seterusnya jika diteliti, didapati seramai 73 responden (69.5 %) “tidak setuju” mengatakan “semakin lama ditugaskan mengajar PJ, semakin jemu dan membosankan”, manakala selebihnya menyatakan “tidak setuju”. Hanya dua orang (1.9 %) responden sahaja menyatakan “tidak pasti”.

Hasil kajian juga mendapati bahawa seramai 65 responden (61.9 %) mengatakan “tidak setuju” pendidikan jasmani merupakan satu tekanan untuk saya menghabiskan sukatan pelajaran. Manakala seramai 30 orang (28.6 %) responden mengatakan “setuju”.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa, sejumlah 85 responden (80.9 %) mengatakan “tidak setuju” bahawa mata pelajaran pendidikan jasmani adalah tidak penting. Hanya seramai 19 orang (18.1 %) responden “setuju” berpendapat bahawa mata pelajaran pendidikan jasmani tidak penting.

**Jadual 4.6.2 : Item Negatif Tentang Persepsi Guru Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani**

Pernyataan	Skala Persetujuan					Min
	SS N (%)	S N (%)	TP N (%)	TS N (%)	STS N (%)	
3. Jika diberi peluang, saya ingin mengajar mata pelajaran lain daripada PJ	19 (18.1)	35 (33.3)	12 (11.4)	27 (25.7)	12 (11.4)	<b>3.21</b>
4. Mengajar mata pelajaran PJ adalah membebankan saya	7 (6.7)	16 (15.2)	4 (3.8)	54 (51.4)	24 (22.9)	2.31
5. Semakin lama saya ditugaskan untuk mengajar PJ, saya rasa semakin jemu dan bosan	10 (9.5)	20 (19.0)	2 (1.9)	50 (47.6)	23 (21.9)	2.47
7. Saya merasakan satu tekanan untuk saya menghabiskan sukatan pelajaran PJ	8 (7.6)	22 (21.0)	10 (9.5)	45 (42.9)	20 (19.0)	2.55
8. Mata pelajaran PJ adalah tidak penting	6 (5.7)	13 (12.4)	1 (1.0)	37 (35.2)	48 (45.7)	1.97

*Petunjuk :*

SS	=	Sangat Setuju
S	=	Setuju
TP	=	Tidak Pasti
TS	=	Tidak Setuju
STS	=	Sangat Tidak Setuju

#### 4.7 Kesimpulan

Dapatan daripada data yang dianalisis menunjukkan bahawa sebahagian besar guru yang mengajar mata pelajaran pendidikan jasmani adalah terdiri daripada guru yang bukan opsyen pendidikan jasmani. Dari segi pengalaman mengajar subjek pendidikan jasmani, kebanyakan guru hanya berpengalaman mengajar subjek tersebut tidak lebih dari lima tahun. Begitu juga guru yang mengikuti kursus dalam

perkhidmatan PJK, sebahagian besar guru yang mengajar pendidikan jasmani tidak pernah mengikuti kursus tersebut.

Justeru itu, kebanyakan guru yang mengajar pendidikan jasmani adalah tidak pernah menggunakan kaedah lawatan dan projek dalam melaksanakan pengajaran beliau. Kebanyakan guru pendidikan jasmani kerap menggunakan kaedah perintah dan arahan serta kaedah latih tubi dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan jasmani.

Walau bagaimanapun, dari segi halangan yang dihadapi oleh guru tersebut dalam melaksanakan kurikulum pendidikan jasmani bukan merupakan masalah yang ketara kerana sebahagian besar guru pendidikan jasmani tidak bermasalah dalam melaksanakan pengajaran beliau.

Akhir sekali dari segi persepsi guru terhadap subjek pendidikan jasmani.. Kebanyakan guru suka mengajar subjek ini dan berusaha mencari idea baru untuk membantu mereka supaya pengajaran lebih menarik dan berkesan. Sebahagian besar guru juga tidak bersetuju mengatakan mata pelajaran pendidikan jasmani adalah tidak penting, membebankan mereka dan mendatangkan kejemuhan dan kebosanan.